

✓

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JTW 108 - MAKROEKONOMI

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan di Bahagian A (WAJIB) dan pilih DUA soalan di Bahagian B.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

BAHAGIAN A (SOALAN WAJIB) (60 markah)**SOALAN 1**

- (a) Nyatakan perbezaan antara pengunaan, simpanan dan pelaburan.
(6 markah)
- (b) Jelaskan unsur–unsur suntikan dan bocoran ekonomi, bagi ekonomi 4 sektor dengan bantuan gambarajah.
(10 markah)

SOALAN 2

Tahun	Pendapatan Individu (Juta)	Perbelanjaan Penggunaan (Juta)	Kadar Simpanan (%)
1990	113.1	100.2	11.4
1991	35.7	118.7	12.6
1992	160.0	137.9	13.8
1993	176.1	153.6	12.8
1994	191.3	168.5	11.9
1995	206.1	184.6	10.4
1996	220.9	197.5	10.6
1997	238.8	215.5	9.7
1998	256	237.4	7.6

Merujuk kepada jadual diatas , jawab soalan – soalan berikut:-

- (a) Berapakah pendapatan benar jika cukai sebanyak 5% dikenakan bagi setiap tahun. Berikan jawapan anda bagi setiap tahun?
(9 markah)
- (b) Jelaskan definisi MPS.
(3 markah)
- (c) Cari nilai MPC dan MPS diantara tahun 1994 dan 1995.
(5 markah)
- (d) Apakah faktor – faktor yang mempengaruhi kadar simpanan seseorang?
(7 markah)

SOALAN 3

Andaikan kerajaan mengenakan cukai pendapatan progressif pada pelbagai tingkat pendapatan. Berdasarkan maklumat berikut, berikan jawapan anda dalam bentuk jadual di bawah:

Kecenderungan marginal menabung ialah 0.3.

Penggunaan autonomus 2000.

Y	Cukai	Yd (Pendapatan Benar)	C (Penggunaan)	S (Tabungan)
10,000	5%			
20,000	6%			
30,000	7%			
40,000	8%			
50,000	10%			

(20 markah)

BAHAGIAN B (Pilih DUA soalan sahaja.) (40 markah)
SOALAN 4

- (a) Jelaskan maksud belanjawan seimbang. (4 markah)
- (b) Nyatakan dan jelaskan sumber kerajaan bagi membiayai belanjawan defisit. (8 markah)
- (c) Apakah peranan perbelanjaan kerajaan ketika belanjawan defisit diamalkan? (8 markah)

SOALAN 5

- (a) Jelaskan dengan bantuan gambarajah hubungan di antara permintaan wang dan kadar bunga. (5 markah)
- (b) Jelaskan dengan bantuan gambarajah hubungan di antara penawaran wang dan kadar bunga. (5 markah)
- (c) “Wang merupakan suatu keperluan dalam ekonomi moden.” Bincangkan kebenaran penyataan di atas. (10 markah)